



**BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI
PULAU PINANG**

**DOKUMEN TENDER
NO: PSUKPP/TENDER/7/2023**

TAJUK:

**PERKHIDMATAN PENGEDARAN NASKAH
BULETIN MUTIARA KE KAWASAN
SEBERANG PERAI, NEGERI PULAU PINANG
(1 JANUARI 2024 SEHINGGA 31 DISEMBER 2025)**

TARIKH TUTUP:

24 NOVEMBER 2023

URUSETIA:

**BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI
TINGKAT 26, KOMTAR
10503 PULAU PINANG**



SENARAI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	Senarai Kandungan	1
2	Kenyataan Tawaran Tender	2
3	Senarai Semak	4
4	Arahan Kepada Pembida	5
5	Syarat-syarat Am Tender	8
6	LAMPIRAN A : Lampiran Q	13
7	LAMPIRAN B : Borang Tender	17
8	LAMPIRAN C : Spesifikasi Tender	18
9	LAMPIRAN D : Jadual Harga Tawaran	20
10	LAMPIRAN E : Surat Akuan Pembida	21
11	LAMPIRAN F : Surat Akuan Pembida Berjaya	22
12	LAMPIRAN G : Keterangan Mengenai Pembida	23
13	LAMPIRAN H : Senarai Perkhidmatan/Perbekalan Yang Sedang Dan Telah Dilaksanakan	26



Kod Tender : PSUKPP/TENDER/7/2023



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN TENDER

KOD TENDER : PSUKPP/TENDER/7/2023

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berkelayakan yang berdaftar dengan **Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang** dan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah kod bidang berikut: **010102 – Bahan Bacaan atau 010201 – Kertas** dalam bidang perkhidmatan yang masih sah tempoh lakunya bagi menyertai tawaran tender berikut:-

PERKHIDMATAN PENGEDARAN NASKAH BULETIN MUTIARA KE KAWASAN SEBERANG PERAI, NEGERI PULAU PINANG (1 JANUARI 2024 – 31 DISEMBER 2025)

2. Petender dikehendaki mendaftar dengan e-Perolehan, Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang. Hanya petender tempatan yang berdaftar boleh memuat turun Dokumen Tender melalui laman web tersebut.
3. Semua petender yang berminat menyertai tender ini adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri sesi taklimat yang akan diadakan pada **03 November 2023 (Jumaat) pada jam 10.00 pagi di Bilik Mesyuarat Jade, Tingkat 31, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), 10000 Pulau Pinang**. Dokumen tender boleh dibeli dengan harga RM50.00 secara online dan dimuat turun melalui Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (<http://ep.penang.gov.my>) mulai 03 November 2023 (Jumaat) jam 3.00 petang.
4. Dokumen Tender yang lengkap diisi mestilah diserahkan bersama-sama maklumat-maklumat yang dikehendaki dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, bertulis tajuk dan no. tender serta hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender **PSUKPP/TENDER/7/2023** yang ditempatkan di Tingkat 30, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), 10000 Pulau Pinang **sebelum jam 12.00 tengahari, pada atau sebelum 24 November 2023 (Jumaat)**.



Kod Tender : PSUKPP/TENDER/7/2023

5. Tawaran yang dikemukakan selepas daripada masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Kerajaan Negeri tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Kerajaan Negeri berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab-sebab di atas keputusan tersebut.

YB Setiausaha Kerajaan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang



SENARAI SEMAK

PERKHIDMATAN PENGEDARAN NASKAH BULETIN MUTIARA KE KAWASAN SEBERANG PERAI, NEGERI PULAU PINANG (1 JANUARI 2024 – 31 DISEMBER 2025)

Sila Tandakan Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	UNTUK DIISI OLEH	
		SYARIKAT	J/K PEMBUKA TENDER
1	Lampiran Q (Lampiran A)		
2	Borang Tender (Lampiran B)		
3	Spesifikasi Tender (Lampiran C)		
4	Jadual Harga Tawaran (Lampiran D)		
5	Surat Akuan Pembida (Lampiran E)		
6	Surat Akuan Pembida Berjaya (Lampiran F)		
7	Keterangan Mengenai Pembida (Lampiran G)		
8	Senarai Perkhidmatan/Pembekalan Yang Sedang Dan Telah Dilaksanakan (Lampiran H) – <i>lampirkan surat lantikan daripada agensi berkenaan</i>		
9	Salinan Sijil Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)		
10	Salinan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia Berserta Maklumat Kod Bidang Berkaitan Yang Masih Sah Laku		
11	Salinan Borang 24 dan Borang 49 yang terkini		
12	Penyata Bank Untuk 3 Bulan Terakhir iaitu bulan Ogos, September dan Oktober 2023		
13	Penyata Kewangan yang Telah Diaudit Untuk 3 Tahun Terakhir iaitu 2020, 2021 dan 2022		
14	Profil Ringkas Pembida		
15	Lain-lain Sekiranya Ada		



Kod Tender : PSUKPP/TENDER/7/2023

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Tender. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh : Cop Syarikat :</p>	<p>Jawatankuasa Pembuka Tender mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada).</p> <p>Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :</p> <p>Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :</p>

ARAHAN KEPADA PEMBIDA

1. Perihal Tender

- 1.1 Pelawaan tender ini bertujuan melantik syarikat-syarikat yang berkelayakan untuk melaksanakan Perkhidmatan Pengedaran Naskah Buletin Mutiara Ke Kawasan Seberang Perai, Negeri Pulau Pinang Bagi Tempoh Dua (2) Tahun mulai 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2025.
- 1.2 Tender ini adalah tertakluk kepada Arahan Pembida dan Syarat-syarat Am.

2. Dokumen Tender

2.1 Tender hendaklah dibuat di atas borang-borang yang selepas ini dipanggil Dokumen Tender yang boleh dimuat turun melalui Sistem ePerolehan, Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang. Dokumen Tender yang lengkap mengandungi perkara berikut:-

- i. Kenyataan Tawaran Tender;
- ii. Arahan Kepada Pembida;
- iii. Syarat-syarat Am Tender;
- iv. Lampiran Q (Lampiran A);
- v. Borang Tender (Lampiran B);
- vi. Spesifikasi Tender (Lampiran C);
- vii. Jadual Harga Tawaran (Lampiran D);



Kod Tender : PSUKPP/TENDER/7/2023

- viii. Surat Akuan Pembida (Lampiran E);
- ix. Surat Akuan Pembida Berjaya (Lampiran F);
- x. Keterangan Mengenai Pembida (Lampiran G); dan
- xi. Senarai Perkhidmatan/Pembekalan Yang Sedang dan Telah Dilaksanakan (Lampiran H).

2.2 Dokumen Tender adalah dijual dengan harga **RM50.00** satu set. Hanya dokumen yang asal sahaja akan diterima dan dipertimbangkan.

2.3 Pembida hendaklah mengisi borang di Lampiran H dengan menyatakan pengalaman dalam bidang yang berkenaan.

2.4 Borang Tender (Lampiran B).

Pembida adalah dikehendaki mengisi dan menandatangani Borang Tender seperti di Lampiran B. Sekiranya Borang Tender ini tidak diisi dan ditandatangani, tawaran pembida menjadi tidak sah dan tidak akan dipertimbangkan. Harga yang dicatatkan di dalam Borang Tender mestilah sama dengan harga di dalam Lampiran Q dan Jadual Harga Tawaran. Jika terdapat perbezaan harga di dalam Borang Tender tersebut, tawaran tender tidak akan dipertimbangkan.

2.5 Jadual Harga Tawaran (Lampiran D)

Borang ini perlu ditandatangani dan dicop oleh individu yang diberi kuasa oleh syarikat sebagai pembida. Borang yang tidak bertandatangan dan bercop adalah tidak sah dan akan ditolak.

2.6 Surat Akuan Pembida dan Surat Akuan Pembida Berjaya (Lampiran E dan Lampiran F)

Pembida adalah dikehendaki mengisi dan menandatangani Surat Akuan Pembida dan Surat Akuan Pembida Berjaya seperti di Lampiran sebelum menghantar dokumen tender. Wakil syarikat pembida yang menandatangani kedua-dua surat tersebut hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.

3. Pembedulan dan Pindaan Kesilapan

Dokumen Tender hendaklah diisi secara bertaip atau tulisan tangan yang jelas. Setiap pembedulan atau pindaan yang dibuat terutamanya dalam Jadual Harga dan Borang Tender hendaklah ditandatangan ringkas dan dicop dengan cop rasmi syarikat pembida. Tandatangan ringkas ini hendaklah dibuat setentang dengan kesilapan yang dipinda. Pembedulan dan pindaan yang dibuat hendaklah jelas supaya mudah dibaca.



Kod Tender : PSUKPP/TENDER/7/2023

4. Penghantaran Dokumen Tender

4.1 Pembida adalah dikehendaki mengembalikan naskah asal Dokumen Tender yang telah diisi dengan lengkap dan ditandatangani oleh individu yang diberi kuasa berserta dengan dokumen wajib seperti berikut:

- i. Lampiran Q (Lampiran A);
- ii. Borang Tender (Lampiran B);
- iii. Jadual Harga Tawaran (Lampiran D);
- iv. Surat Akuan Pembida (Lampiran E);
- v. Surat Akuan Pembida Berjaya (Lampiran F);
- vi. Keterangan Mengenai Pembida (Lampiran G);
- vii. Senarai Perkhidmatan/Pembekalan Yang Sedang dan Telah Dilaksanakan (Lampiran H). Lampirkan surat lantikan daripada agensi berkenaan;
- viii. Salinan Sijil Pendaftaran BUMIPUTERA dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- ix. Salinan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia berserta maklumat Kod Bidang berkaitan yang masih sah laku;
- x. Salinan Borang 24 dan Borang 49 yang terkini;
- xi. Penyata bank untuk 3 bulan terakhir iaitu bulan Ogos, September dan Oktober 2023;
- xii. Penyata kewangan yang telah diaudit untuk 3 tahun Terakhir iaitu 2020, 2021 dan 2022; dan
- xiii. Profil Ringkas Pembida.

4.2 Dokumen Tender yang lengkap diisi hendaklah dihantar secara serahan tangan dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta ditanda pada bahagian atas kiri sampul surat itu dengan butir-butir berikut:-

No. Ruj. Tender : PSUKPP/TENDER/7/2023
Tajuk Tender : Perkhidmatan Pengedaran Naskah Buletin Mutiara Ke Kawasan Seberang Perai, Negeri Pulau Pinang (1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2025)

4.3 Dokumen Tender hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender **PSUKPP/TENDER/7/2023** yang disediakan di Tingkat 30, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), 10000 Pulau Pinang sebelum **jam 12.00 tengah hari**, pada atau sebelum **24 November 2023 (Jumaat)**.



SYARAT-SYARAT AM TENDER

Pembida dikehendaki mematuhi sepenuhnya Syarat-syarat Am Tender apabila menyertai tender ini. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan tender yang dikemukakan oleh pembida ditolak.

1. Kelayakan Memasuki Tender

- 1.1 Tawaran adalah dibuka kepada syarikat-syarikat berkelayakan yang berdaftar dengan **Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang** dan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah kod bidang **010102 – Bahan Bacaan atau 010201 – Kertas**.
- 1.2 Hanya tender-tender yang dikemukakan oleh pembida-pembida yang membeli Dokumen Tender sahaja akan diterima dan dipertimbangkan (berdasarkan rekod Sistem ePerolehan).
- 1.3 Pelawaan ini adalah terikat kepada Arahan Kepada Pembida dan Syarat-syarat Am Tender yang disertakan bersama-sama Dokumen Tender.
- 1.4 Pembida hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat tersebut apabila menyertai tender ini. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat akan menyebabkan tender tidak dipertimbangkan.
- 1.5 Tender hendaklah dibuat atas borang-borang tender asal. Tender tidak boleh dibuat atas borang-borang salinan. Semua borang berhubung dengan tender hendaklah ditandatangani oleh wakil syarikat yang diberi kuasa pembida. Mana-mana borang yang tidak bertandatangan dan tiada cop rasmi pembida akan ditolak.
- 1.6 Hanya Tawaran Tender daripada pembida yang menghadiri sesi taklimat tender pada tarikh dan masa yang ditetapkan sahaja akan diterima dan dipertimbangkan.

2. Dokumen Tender

- 2.1 Hanya Dokumen Tender yang dimuat turun melalui Sistem ePerolehan, Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang sahaja akan diterima. Salinan borang tidak diterima kecuali sebagai dokumen sokongan kepada Dokumen Tender.
- 2.2 Tiap-tiap helai borang yang digunakan (termasuk dokumen sokongan) mestilah ditandatangani di bahagian bawah penjuru kanan.
- 2.3 Pembida hendaklah membaca semua arahan dan syarat di dalam Dokumen Tender serta menyemak kandungannya dengan teliti.



Kod Tender : PSUKPP/TENDER/7/2023

Dokumen Tender hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas mengikut ruangan yang disediakan.

- 2.4 Dokumen Tender hendaklah diisi secara bertaip atau tulisan tangan yang jelas. Setiap pembetulan atau pindaan yang dibuat mestilah ditandatangani ringkas dan dicop dengan cop rasmi syarikat pembida setentang dengan pembetulan atau pindaan tersebut.

3. Harga Tawaran

- 3.1 Harga tawaran adalah termasuk semua kos yang dinyatakan oleh pembida di dalam Jadual Harga Tawaran (Lampiran D). Harga yang ditawarkan dalam tender ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas tender ini ditutup.
- 3.2 Kerajaan Negeri berhak menyemak semula jumlah harga tawaran yang ditawarkan oleh pembida. Sekiranya terdapat perbezaan kepada jumlah harga yang ditawarkan dengan maklumat semakan semula oleh Kerajaan Negeri, jumlah harga tawaran yang disemak semula oleh Kerajaan Negeri akan diguna pakai untuk tujuan tender ini.

4. Spesifikasi Tender

- 4.1 Pembida adalah dinasihatkan membaca dengan teliti spesifikasi tender supaya tidak timbul masalah kesilapan dalam meletakkan harga tawaran.
- 4.2 Spesifikasi berkaitan Perkhidmatan Pengedaran Naskah Buletin Mutiara Ke Kawasan Seberang Perai, Negeri Pulau Pinang (1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2025) adalah seperti yang dinyatakan di Lampiran C.
- 4.3 Kerajaan Negeri berhak menyemak semula spesifikasi Perkhidmatan Pengedaran Naskah Buletin Mutiara Ke Setiap Daerah dan Bahagian Negeri Pulau Pinang sekiranya terdapat keperluan pada masa hadapan untuk mengurangkan atau meningkatkan jumlah naskah edaran Buletin Mutiara.

5. Tempoh Sah laku Tender

Tempoh sahlaku tender ini adalah selama **90 hari** bermula daripada tarikh tender ditutup. Pembida tidak boleh menarik balik tendernya sebelum tamat tempoh sah laku tender.



Kod Tender : PSUKPP/TENDER/7/2023

6. Setuju Terima Tender

- 6.1 Kerajaan Negeri tidak terikat untuk menerima tawaran terendah mana-mana tender. Keputusan adalah muktamad dan Kerajaan Negeri tidak akan melayan sebarang surat rayuan daripada pembida berhubung sebab-sebab tender mereka tidak berjaya.
- 6.2 Pembida yang berjaya mesti mematuhi perkara berikut:
- i. Tidak boleh menolak tawaran tender. Sekiranya pembida menolak tawaran tender, maka nama pembida akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk tindakan menggantung pendaftaran; dan
 - ii. Mengemukakan bon pelaksanaan atas nama Bendahari Negeri Pulau Pinang berdasarkan **Pekeliling Perolehan Kerajaan**. Bon pelaksanaan ini akan dikembalikan selepas tempoh perkhidmatan ini tamat dan pembida yang berjaya memberikan mematuhi segala peraturan dan syarat tender.
 - iii. Menandatangani satu perjanjian kontrak dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian dan syarat-syarat tender.

7. Perubahan Syarat-Syarat

- 7.1 Kerajaan Negeri boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan ke atas spesifikasi bagi perkhidmatan ini secara bertulis.
- 7.2 Perubahan yang dikehendaki oleh Kerajaan Negeri mestilah dilaksanakan oleh pembida dan tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri atau yang disahkan kemudian oleh Kerajaan Negeri boleh membatalkan tender ini.
- 7.3 Sekiranya sesuatu perubahan itu menyebabkan perubahan dasar ke atas spesifikasi tender, maka dengan perubahan itu hendaklah dibuat dengan persetujuan kedua-dua pihak secara bertulis.

8. Penamatan Persetujuan

Kerajaan Negeri berhak membatalkan tawaran tender sekiranya pembida berada dalam keadaan berikut:-

- i. Melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat dalam Dokumen Tender ini;
- ii. Tidak mematuhi arahan dan syarat-syarat Kerajaan Negeri tanpa



Kod Tender : PSUKPP/TENDER/7/2023

apa- apa alasan yang munasabah;

- iii. Pembida itu sebagai orang perseorangan atau sebagai satu firma atau mana-mana perkongsian firma itu pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau suatu perintah terhadapnya atau perintah pentadbiran dibuat terhadapnya atau membuat suatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah siputang-siputang atau jika pembida itu adalah syarikat, meluluskan suatu perintah bahawa syarikat itu digantung (bukan suatu penggulungan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau pengurusan bagi pihak seseorang siputang dilantik atau jika timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada mahkamah membuat sesuatu perintah penggulungan; atau
- iv. Jika Kerajaan Negeri mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa pembida atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau di luar pengetahuan pembida) melakukan perbuatan rasuah. Dengan sentiasa bersyarat bahawa penamatan persetujuan ini tidak menyentuh hak-hak Kerajaan Negeri untuk mendapatkan balik gantirugi.

9. Pertikaian

Apa-apa pertikaian yang terbit di antara Kerajaan Negeri dengan pembida mengenai pentafsiran, pengertian atau kuatkuasa persetujuan atau hak dan tanggungan pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit daripadanya atau yang berhubung dengannya hendaklah dikecualikan selainnya dipersetujui dengan tertentu dengan bertulis di antara Kerajaan Negeri dengan pembida, dirujukan kepada penimbang tara dua pihak yang dilantik iaitu lantikan oleh Kerajaan Negeri dan lantikan oleh pembida. Tiap-tiap seorang yang dilantik itu hendaklah bebas daripada pihak-pihak yang membuat persetujuan ini.

10. Insurans

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam Dokumen Tender.

11. Iklan

Tiada maklumat mengenai kontrak ini boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau media pengiklanan yang terkini melainkan jika pengiklanan itu telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri terlebih dahulu.



Kod Tender : PSUKPP/TENDER/7/2023

12. Denda Lewat

Potongan sebanyak 1% sehari (daripada keseluruhan harga perkhidmatan pada setiap bulan) akan dikenakan kepada pembida yang berjaya sekiranya didapati terdapat kelewatan kerja-kerja penghantaran dan pengedaran naskah Buletin Mutiara tanpa sebab-sebab yang munasabah dan tanpa notis awal.

13. Tempoh Percubaan Perkhidmatan

Kerajaan Negeri menetapkan agar tempoh percubaan bagi Perkhidmatan Pengedaran Naskah Buletin Mutiara Ke Kawasan Seberang Perai, Negeri Pulau Pinang diberikan selama 3 bulan kepada syarikat terpilih.

BARANG-BARANG EX-STOCK ATAU KELUARAN MALAYSIA

1. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

2. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan, atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang (jika berkenaan) hendaklah ditunjukkan.

3. PEMBUNGKUSAN

- 3.1. Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- 3.2. Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh pembida.



Kod Tender : PSUKPP/TENDER/7/2023

(Kew. 284-Pin. 5/ 94)

LAMPIRAN A

LAMPIRAN Q

**KERAJAAN MALAYSIA
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)
NEGERI PULAU PINANG**

**TAJUK:
PERKHIDMATAN PENGEDARAN NASKAH BULETIN MUTIARA KE
KAWASAN SEBERANG PERAI, NEGERI PULAU PINANG
(1 JANUARI 2024 HINGGA 31 DISEMBER 2025)**

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini:

TAJUK	BEKALAN BARANG-BARANG/ PERKHIDMATAN	
PERKHIDMATAN PENGEDARAN NASKAH BULETIN MUTIARA KE KAWASAN SEBERANG PERAI, NEGERI PULAU PINANG (1 JANUARI 2024 HINGGA 31 DISEMBER 2025)	No. Sebut Harga Tender	PSUKPP/TENDER/4/2021
Nama Syarikat No. Telefon: No. Pendaftaran Kementerian Kewangan: Kod Bidang Pendaftaran bekalan/ perkhidmatan ini: 010102 – Bahan Bacaan atau 010201 – Kertas	Pelawaan tender dikeluarkan oleh : BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI TINGKAT 26, KOMTAR, 10000 PULAU PINANG No. Telefon: 04- 650 5174 Tarikh: 31 Oktober 2023	

1. Sila beri tender untuk perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada had-had dan syarat-syarat yang ditetapkan :-

1.1 Syarat-syarat serahan/penyempurnaan :-

- (i) Tawaran adalah dibuka kepada syarikat-syarikat berkelayakan yang berdaftar dengan **Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang** dan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah kod bidang **010102 – Bahan Bacaan** atau **010201 – Kertas**.
- (ii) Dokumen Tender boleh diperolehi daripada sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di portal <http://ep.penang.gov.my> dengan mengklik butang 'BELI' di portal tersebut dengan harga **RM50.00**. Dokumen Tender hanya boleh dimuat turun oleh syarikat/kontraktor yang telah berdaftar dengan sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sahaja.



Kod Tender : PSUKPP/TENDER/7/2023

(iii) Semua petender yang berminat menyertai tender ini adalah **diwajibkan** untuk menghadiri sesi taklimat yang akan diadakan pada ketetapan seperti berikut :-

Tarikh : 03 November 2023 (Jumaat)

Masa : 10.00 pagi

**Tempat : Bilik Mesyuarat Jade, Tingkat 31,
Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR),
10000 Pulau Pinang.**

1.2 Tarikh akhir serahan / disempurnakan : **Sebelum jam 12.00 tengahari, 24 November 2023 (Jumaat).**

1.3 Arahan Pengiriman :

Dokumen Tender yang lengkap dengan senarai semak dan dokumen wajib hendaklah dilakri dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang ditulis di bahagian atas kirinya dengan no. tender dan tarikh serahan. Sampul surat mengandungi dokumen tender hendaklah **dihantar dengan tangan** dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran **PSUKPP/TENDER/7/2023** yang terdapat di **Tingkat 30, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), 10000 Pulau Pinang tidak lewat daripada tarikh akhir serahan yang dinyatakan.** Penghantaran melalui Pos tidak dibenarkan sama sekali.

1.4 Tempoh sah laku Tender ialah 90 hari selepas tarikh tutup.



Kod Tender : PSUKPP/TENDER/7/2023

PERKHIDMATAN PENGEDARAN NASKAH BULETIN MUTIARA KE KAWASAN SEBERANG PERAI, NEGERI PULAU PINANG (1 JANUARI 2024 – 31 DISEMBER 2025)			PERLU DIISI OLEH PETENDER	
BIL	PERIHAL PERKHIDMATAN	JUMLAH NASKAH EDARAN	KADAR SENASKAH (RM)	HARGA SEBULAN (RM)
1.	<p>a. Jenis : Tabloid</p> <p>b. Saiz : 10.4 x 14 inci</p> <p>c. Jenis Kertas : Newsprint</p> <p>d. Menerima/ mengambil naskah Buletin Mutiara daripada Bahagian Penerangan, Pejabat Ketua Menteri ATAU daripada Syarikat Percetakan dan menghantar naskah-naskah cetakan ke lokasi-lokasi ditetapkan di kawasan Seberang Perai, Negeri Pulau Pinang selama 24 bulan mulai 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2025.</p> <p>e. Dua (2) versi Buletin seperti berikut:-</p> <p>i. Versi Bahasa Melayu iaitu 16 muka surat berwarna dan dicetak dua (2) kali sebulan selama 24 bulan. (50,000 naskah untuk satu cetakan)</p> <p>ii. Versi gabungan Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil iaitu 28 muka surat berwarna (terdiri daripada 11 m/s Bahasa Inggeris, 11 m/s Bahasa Cina dan 6 m/s Bahasa Tamil) dan dicetak dua (2) kali sebulan selama 24 bulan. (50,000 unit untuk satu cetakan).</p> <p>f. Siri Pengedaran : Januari 2024 hingga Disember 2025</p> <p>g. Bilangan Edaran :</p> <p>i. Versi Bahasa Melayu- 2 kali sebulan (48 kali kerja-kerja edaran ke kawasan Pulau, Negeri Pulau Pinang sebagaimana yang ditetapkan oleh Bahagian Penerangan Pejabat Ketua Menteri).</p>	<p>100,000 naskah sebulan</p> <p>100,000 naskah sebulan</p> <p>48 kali sebulan (2 kali edaran x 24 bulan)</p>		



Kod Tender : PSUKPP/TENDER/7/2023

	ii. Versi Pelbagai Bahasa- 2 kali sebulan (48 kali kerja-kerja edaran ke kawasan Pulau, Negeri Pulau Pinang sebagaimana yang ditetapkan oleh Bahagian Penerangan Pejabat Ketua Menteri).	48 kali sebulan (2 kali edaran x 24 bulan)	
	h. Jumlah naskah untuk pengedaran mengikut lokasi akan ditentukan oleh Bahagian Penerangan, Pejabat Ketua Menteri.		
2	Jumlah Edaran Sebulan		200,000 naskah
3	(i) Harga Sebulan (Bahasa Melayu) (A)		RM.....
	(ii) Harga Sebulan (Pelbagai Bahasa) (B)		RM.....
4	JUMLAH HARGA SEBULAN (C) = (A + B)		RM.....
5	JUMLAH HARGA KESELURUHAN [24 Bulan X (C)]		RM.....

Mustahak :-

- i. Harga yang ditawarkan adalah harga bersih;
- ii. Sila rujuk Syarat-Syarat Am Tender dan Spesifikasi Tender;
- iii. Tarikh penyerahan/penyempurnaan adalah mengikut jadual pengedaran; dan
- iv. Pihak Kerajaan Negeri berhak untuk melantik lebih daripada satu (1) petender bagi perkhidmatan ini.

Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas, tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan Syarat Am serta Skop Perolehan Perkhidmatan yang dilampirkan.

Tandatangan Pembida :

Nama :

No. K/P :

Alamat Syarikat :

Tarikh :

Cop Syarikat :



BORANG TENDER

Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancang Ekonomi Negeri,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang,
Tingkat 26, KOMTAR,
10000 PULAU PINANG.

Tuan,

**TENDER PERKHIDMATAN PENGEDARAN NASKAH BULETIN MUTIARA KE
KAWASAN SEBERANG PERAI, NEGERI PULAU PINANG (1 JANUARI 2024
SEHINGGA 31 DISEMBER 2025)**

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa saya/kami,
_____ (nama syarikat) mengambil bahagian
dalam tender seperti di atas. Harga yang ditawarkan oleh pihak saya/ kami adalah
seperti berikut:

a) Harga Tawaran Senaskah

Versi Bahasa Melayu : RM.....

Versi Pelbagai Bahasa : RM.....

b) Harga Tawaran Keseluruhan : RM.....

2. Saya/kami dengan ini bersetuju menerima dan mematuhi serta terikat dengan syarat-syarat tender, dan spesifikasi tender yang terkandung dalam Dokumen Tender. Saya/kami juga telah memahami bahawa Kerajaan Negeri berhak menerima atau menolak tender ini, sama ada harga yang ditawarkan rendah atau tinggi atau sama dengan harga tawaran-tawaran lain.

3. Saya/kami bersetuju bahawa harga tender yang ditawarkan ini sah selama 90 hari daripada tarikh tutup tender. Dalam tempoh tersebut saya/kami tidak boleh menarik diri daripada tender ini dan meminda harga.

4. Saya/kami yang bertandatangan di bawah ini, setelah menyemak, adalah dengan ini mengesahkan bahawa Dokumen Tender yang digunakan untuk tender ini adalah yang sebenarnya dibeli oleh syarikat ini.

(Tandatangan pembida yang diberi kuasa)

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Cop Syarikat :



LAMPIRAN C

SPESIFIKASI TENDER

1. Mengambil naskah daripada Bahagian Penerangan, Pejabat Ketua Menteri atau syarikat percetakan;
2. Melaksanakan kerja-kerja penghantaran ke kawasan-kawasan yang telah ditetapkan (termasuk kos pengangkutan dan lain-lain). Pekerja adalah terdiri daripada WARGANEGARA;
3. Siri pengedaran dibuat sebanyak 2 kali sebulan iaitu bagi edisi 1 naskah Buletin Mutiara (1-15 haribulan) dan edisi 2 naskah Buletin Mutiara (16-30 haribulan);
4. Naskah edaran perlu selesai diagihkan ke lokasi di Seberang Perai dalam tempoh tujuh (7) hari membabitkan lokasi-lokasi yang telah ditetapkan termasuk Pejabat ADUN, MPKK, kedai kopi dan runcit, kampung, flat, pangsapuri, masjid/tempat ibadat, kawasan kilang, pasar malam, kawasan-kawasan perumahan berpusat atau berselerak dan lain-lain;
5. Pihak syarikat perlu amanah dan tidak menyalahgunakan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan menjual atau membuang naskah-naskah berkenaan;
6. Menghantar laporan kerja kepada Bahagian Penerangan setiap suku tahun atau apabila diminta;
7. Menerima aduan dan mengambil tindakan sewajarnya;
8. Pihak syarikat perlu mempunyai mod pengangkutan yang lengkap termasuk semasa penerimaan, edaran dan penghantaran (sekiranya diperlukan);
9. *Pecahan kawasan edaran adalah seperti berikut :

BIL	KAWASAN SEBERANG PERAI/ DAERAH	BILANGAN LOKASI
1	Seberang Perai Utara	171
2	Seberang Perai Tengah	176
3	Seberang Perai Selatan	72



Kod Tender : PSUKPP/TENDER/7/2023

NOTA :

- i) Pembida wajib menyatakan tawaran harga senaskah dengan mengambil kira keseluruhan kos yang terlibat kerana pihak urusetia *berhak mengurang/menambah kuantiti naskah Buletin Mutiara mengikut lokasi;
- ii) Pihak Kerajaan Negeri **TIDAK TERIKAT** untuk menerima hanya satu (1) tawaran sahaja; dan
- iii) Penalti akan dikenakan sekiranya pembida didapati tidak amanah dan terdapat kelewatan kerja-kerja pengedaran naskah Buletin Mutiara tanpa sebab-sebab yang munasabah dan tanpa notis awal.



JADUAL HARGA TAWARAN

Harga tawaran kami adalah seperti berikut:-

BIL	PERKARA	HARGA TAWARAN KESELURUHAN
1	Perkhidmatan Pengedaran Naskah Buletin Mutiara Ke Kawasan Seberang Perai, Negeri Pulau Pinang (1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2025)	

Tandatangan : _____

Nama : _____

Jawatan : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Cop Rasmi Syarikat : _____

Tarikh : _____



SURAT AKUAN PEMBIDA
Bagi
PERKHIDMATAN PENGEDARAN NASKAH BULETIN MUTIARA KE KAWASAN
SEBERANG PERAI, NEGERI PULAU PINANG
(1 JANUARI 2024 HINGGA 31 DISEMBER 2025)
PSUKPP/TENDER/7/2023

1. Saya,.....,
Nombor K.P....., yang mewakili
.....,
Nombor Pendaftaran dengan ini mengistiharkan
bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Bahagian
Perancang Ekonomi Negeri atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk
dipilih dalam tender seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan
Kuasa bagi saya mewakilkan syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat
pengistiharaan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini
didapati bersalah menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu
dalam Bahagian Perancang Ekonomi Negeri atau mana-mana individu lain sebagai
sogokan untuk dipilih dalam tender seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat
bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan
Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada
saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan
untuk dipilih dalam tender seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera
melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah
Malaysia (SPRM) atau Balai Polis yang berhampiran.

Yang benar,

.....

Nama :

No. K.P. :

Cop Syarikat :



LAMPIRAN F

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA
Bagi
PERKHIDMATAN PENGEDARAN NASKAH BULETIN MUTIARA KE KAWASAN
SEBERANG PERAI, NEGERI PULAU PINANG
(1 JANUARI 2024 HINGGA 31 DISEMBER 2025)
PSUKPP/TENDER/7/2023

1. Saya,.....,
Nombor K.P....., yang mewakili
.....,
Nombor Pendaftaran dengan ini mengistiharkan
bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Bahagian
Perancang Ekonomi Negeri atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran tender
seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya
mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengistiharaan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati
bersalah menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam
Bahagian Perancang Ekonomi Negeri atau mana-mana individu lain sebagai
ganjaran tender seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju
tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya
atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran
tender seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan
perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia
(SPRM) atau Balai Polis yang berhampiran.

Yang benar,

.....
Nama :

No. K.P. :

Cop Syarikat :



LAMPIRAN G

KETERANGAN MENGENAI PEMBIDA

1. **Nama Pembida** : _____
(Syarikat)

2. **Alamat Pembida**

2.1 Ibu Pejabat : _____

2.2 Cawangan : _____

3. **No. Telefon Pembida**

3.1 Ibu Pejabat : _____

3.2 Cawangan : _____

4. **Pendaftaran Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**

4.1 Tempoh Pendaftaran (Sila sertakan salinan Sijil Pendaftaran)

Mulai : _____

Hingga : _____

4.2 Taraf Pembida : _____

5. **Modal Berbayar Syarikat:** (Isi mana yang berkenaan)

5.1 Perseorangan/Perkongsiian : RM _____

5.2 Sendirian Berhad/Berhad :



Kod Tender : PSUKPP/TENDER/7/2023

- a. Modal Dibenar : RM _____
- b. Modal Dibayar : RM _____

6. Butiran Pemilikan (*Ownership*)

6.1 Perseorangan :

Nama Pemilik : _____ No. K/P : _____

6.2 Perkongsian

Nama Pekongsi	No. Kad Pengenalan	Peratus Perkongsian

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)

6.3 Sendirian Berhad/Berhad

Nama Pemegang Saham	No. Kad Pengenalan	Peratus Bahagian

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)

6.4 Ahli Lembaga Pengarah

Nama	No. Kad Pengenalan

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)



Kod Tender : PSUKPP/TENDER/7/2023

7. Komposisi Pekerja

	Kumpulan	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Jumlah
a.	Pengurusan			
b.	Eksekutif			
c.	Operasi			

Pengakuan : (Ditandatangani oleh individu yang diberi kuasa dan bertanggungjawab dalam urusan tender ini)

Dengan ini saya mengaku dan mengesahkan bahawa segala butir-butir dan maklumat di atas adalah benar.

Tandatangan : _____

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Jawatan : _____

Cop Pembida
(Syarikat) : _____

Tarikh : _____



SENARAI PERKHIDMATAN/PERBEKALAN YANG SEDANG DAN TELAH DILAKSANAKAN

Bil.	Nama Projek/Perkhidmatan	Nama dan Alamat Penuh Jabatan/Agensi	Harga Kontrak (RM)	Tempoh Kontrak		Nama/No. Telefon Pegawai Jabatan Yang Bertanggungjawab
				Mula	Tamat	

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)

Tandatangan : _____

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Jawatan : _____

Cop Rasmi Syarikat : _____